

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
(ALOR GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain daripada Thailand, adakah Kementerian mempertimbangkan pelaksanaan "Local Currency Settlement Framework" dalam perdagangan dengan negara lain seperti perdagangan dengan Indonesia sebagai satu usaha untuk menyelesaikan perdagangan di negara serantau dan nilai pertukaran wang asing yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan oleh Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand merupakan projek perintis dalam usaha

berterusan untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN. Pembentukan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan dengan negara-negara ASEAN lain, terutamanya rakan perdagangan utama Malaysia, akan dipertimbangkan secara berperingkat berdasarkan keperluan sektor swasta dan juga persetujuan rakan perdagangan.

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah strategi penambahbaikan yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan hasil pencapaian Indeks Maqasid Syariah negara terkini dan akan datang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang merupakan kali pertama dihasilkan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Mac 2016. Skor keseluruhan ISM 2015 ialah sebanyak 75.42 peratus. Kerajaan dari semasa ke semasa

akan menambahbaik ISM ini agar manfaat yang lebih baik dan menyeluruh dapat dihasil dan diberikan kepada rakyat.

Antara langkah-langkah atau usaha-usaha yang dijalankan dalam memperbaiki mutu ISM ialah:

- i. Mengadakan program-program penjelasan ISM ini secara lebih meluas agar semua pihak khususnya pembuat dan pelaksana dasar memahami hasrat dan aspirasi negara untuk meletakkan Maqasid Syariah sebagai parameter utama dalam tadbir urus negara. Kerajaan yakin melalui pemahaman dan penghayatan yang jelas, persepsi dan salah faham dapat dikurangkan dan ia sekaligus dapat meningkatkan mutu indeks yang dihasilkan pada masa akan datang.
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet ISM yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan langkah penting bagi memastikan pelaksanaan ISM ini lebih efektif dan berimpak tinggi serta semua cadangan penambahbaikan daripada hasil penyelidikan diambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

✓

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 24 MEI 2016
SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kerajaan berhasrat menggunakan vaksin denggi pertama di dunia, Dengvaxia yang dihasilkan syarikat farmaseutikal Perancis, Sanofi yang baru sahaja diluluskan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Tuan Yang di-Pertua,

Produk vaksin Dengavaxia merupakan produk baru. Oleh itu, sebelum produk tersebut di bawa masuk ke Malaysia, ia perlu di daftarkan melalui Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, KKM. Untuk makluman, produk tersebut masih dalam proses pendaftaran dan pada bulan Mac tahun 2016 yang lalu, produk tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk keputusan pendaftaran. Walau bagaimanapun pendaftaran produk ini ditangguhkan kerana mesyuarat memerlukan maklumat lanjut daripada syarikat Sanofi berkaitan data keselamatan serta pelan kajian lanjut di Malaysia dan

pemantauan keselamatan penggunaan vaksin tersebut (sekiranya pendaftaran vaksin tersebut diluluskan).

Untuk makluman, keberkesanan vaksin Dengavaxia berdasarkan kajian ke atas populasi kanak-kanak 9-16 tahun adalah 65.6%, manakala untuk orang dewasa dan kanak-kanak di bawah 9 tahun, tiada data berkenaan keberkesanan vaksin ini ke atas golongan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kajian mengenai kesan jus daun betik ke atas demam denggi sedang dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Terdapat dua peringkat kajian iaitu praklinikal dan klinikal. Peringkat praklinikal yang telah siap dijalani oleh jus daun betik ialah kajian piawaian (*standardization*) dan kajian keselamatan ke atas sel dan haiwan makmal. Terdapat beberapa kajian keberkesanan yang masih dijalankan bagi memastikan keseluruhan aktiviti jus daun betik ini dapat ditentukan. Kesemua data praklinikal ini adalah diperlukan bagi menjalankan kajian klinikal.

Peringkat kajian klinikal di dalam manusia adalah diperlukan bagi menentukan dos yang selamat digunakan, keberkesanan ubat herba tersebut serta memastikan kesan-kesan sampingan yang memudaratkan ke atas manusia. Terdapat beberapa fasa iaitu fasa satu, dua dan tiga dimana kajian ke atas dijalankan secara berperingkat.

Kajian awal menunjukkan bahawa jus daun betik tidak membunuh kuman denggi tetapi mampu menaikkan bilangan platelet yang membantu mengurangkan komplikasi pendarahan. Oleh kerana hanya

satu aktiviti ini yang telah dibuktikan, jus daun betik bukan merupakan rawatan bagi demam denggi yang mempunyai simptom yang kompleks.

Buat masa ini tiada kajian ke atas kunyit sebagai ubat kepada demam denggi dijalankan oleh IMR.

SOALAN NO. : 51

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

NO. RUJUKAN : DR16

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci cadangan Kementerian membina tebatan banjir di Kelantan terutama di sepanjang Sungai Golok.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 yang telah diluluskan dalam RMKe-11 dengan kos sebanyak RM300 juta.

Pada masa ini, rekabentuk terperinci telah siap dilaksanakan manakala kerja-kerja ukur untuk pengambilan tanah sedang dijalankan. Makmal Pengurusan Nilai (*Value Assessment Lab*) pula dirancang untuk diadakan pada Julai 2016 dan pelaksanaan pembinaan dijangka akan dimulakan pada suku tahun pertama 2017. Cadangan skop secara terperinci akan dimuktamadkan selepas Makmal Pengurusan Nilai tersebut diadakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH [LIMBANG]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

**YB Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan berapakah jumlah kakitangan PETRONAS yang
telah diberhentikan kerja disebabkan kejatuhan harga minyak mengikut
pecahan dari Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemerosotan harga minyak global semasa telah memberi impak yang negatif kepada semua syarikat minyak dan gas antarabangsa termasuklah PETRONAS. Bagi menghadapi cabaran faktor luaran yang sentiasa berubah-ubah dimasa terdekat, beberapa langkah telah diambil termasuklah penstrukturan semula organisasi PETRONAS.

Seperti mana yang dilakukan oleh syarikat-syarikat minyak global yang lain, langkah penstrukturan organisasi ini telah diambil oleh pihak PETRONAS agar ianya dapat kekal beroperasi secara lebih cekap sejajar dengan kejatuhan harga minyak dunia. Usaha ini meliputi penilaian semula fungsi-fungsi jawatan yang tidak kritikal mahupun bertindih di mana lebihan jawatan telahpun dikenalpasti dan telah memberi impak minima ke atas pekerja.

Pemberhentian lebihan pekerja telah dijalankan secara berperingkat melibatkan kira-kira 1,000 pekerja yang terdiri daripada lebihan pekerja kontrak sejak tahun lalu, dan diikuti lebihan pekerja-pekerja tetap. Jumlah kakitangan PETRONAS yang telah diberhentikan kerja mengikut pecahan negeri belum dapat dimuktamadkan kerana proses tersebut masih dilaksanakan dan dijangka selesai pada suku ketiga tahun ini.

Langkah penstrukturan semula organisasi ini diharapkan mampu memberi PETRONAS daya tahan yang tinggi di dalam menghadapi situasi kemerosotan harga minyak global semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MEI 2016
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menaikkan harga rumah kos rendah dari RM42,000 kepada RM65,000 dan rumah kos sederhana rendah dari RM72,500 kepada RM100,000. Jika ya, kenapa dan bila. Senaraikan lokasi dan jumlah unit perumahan awam yang dibina di Pulau Pinang sejak tahun 2001 hingga 2015 dan oleh siapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Perumahan Negara (MPN) telah bersetuju menetapkan harga siling bagi penjualan seunit Rumah Mampu Milik (RMM) ditetapkan sebanyak RM300,000. Paras harga ini juga telah pun dibincangkan dan dipersetujui oleh semua Exco Perumahan Kerajaan Negeri. Langkah ini akan dapat menterjemahkan definisi RMM dengan lebih tepat dan memudahkan pemantauan dibuat oleh pelbagai pihak.

Bagi tahun 2001 sehingga 2015, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan 4 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang yang membabitkan 999 unit rumah. Perincian keempat-empat projek tersebut adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROJEK	UNIT	PARLIMEN
PROJEK SIAP			
1	PPR Lorong Selamat, Georgetown (Taman Manggis)	316	Tanjung
2	PPR Jalan Thamby, Butterworth	382	Bagan
DALAM PEMBINAAN			
3	PPR Kg. Tok Suboh, Seberang Perai Tengah.	231	Batu Kawan
4	PPR Mak Mandin, Butterworth	70	Bagan
JUMLAH KESELURUHAN		999	